

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

AOP 355 - PERHUBUNGAN INDUSTRI

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan dan seksyen dari mana-mana akta berkanun yang relevan jika perlu. Pelajar dibenarkan membawa masuk ke dewan peperiksaan akta-akta berkanun untuk rujukan.

1. Bincangkan tentang perkembangan sistem perhubungan industri di Malaysia dalam konteks darurat dan strategi perindustrian.
[25 markah]
2. Tulis nota-nota ringkas tentang semua yang berikut:-
 - i) Peranan dan fungsi Mahkamah Industri;
 - ii) Pemecatan konstruktif;
 - iii) Siasatan domestik ('domestic inquiry');
 - iv) MTUC[25 markah]
3. (a) Huraikan langkah-langkah yang mesti diambil di dalam proses rundingan bersama.
(b) Terangkan dengan ringkas kandungan dan kesan sesuatu perjanjian bersama yang telah ditandatangani.
[25 markah]
4. (a) Senaraikan dan terangkan dengan ringkas jenis-jenis tindakan industri yang boleh diambil oleh pekerja mahupun majikan.
(b) Bincangkan dengan ringkas hak-hak pekerja dari segi perundangan untuk melancarkan mogok dan kesan sesuatu mogok yang dilancarkan.
[25 markah]

...2/-

5. (a) Jelaskan dengan ringkas:-
- i) kenapa kebanyakan majikan bersifat anti-kesatuan sekerja?;
 - ii) kenapa pekerja-pekerja menyertai kesatuan sekerja?.
- (b) Huraikan tentang jenis-jenis pertikaian perdagangan ('trade dispute') yang boleh wujud di antara majikan dan pekerja.

[25 markah]

6. Sarah telah ditawarkan pekerjaan di Syarikat Salom Sdn. Bhd. dan telah menandatangani satu kontrak perkhidmatan bertulis tanpa membaca kandungannya dengan teliti. Gaji permulaannya adalah RM900.00 sahaja.

- (a) Sarah ingin memasuki kesatuan sekerja di tempatnya tetapi apabila beliau membaca kontrak perkhidmatannya ada klausa yang melarangnya daripada menyertai apa-apa kesatuan sekerja. Nasihatkan Sarah tentang kedudukannya dari segi perundangan.
- (b) Katakan selepas bekerja setahun dengan syarikat tersebut Sarah hamil. Di dalam kontrak perkhidmatan Sarah yang bertulis ada klausa yang menyatakan bahawa beliau tidak berhak untuk cuti bersalin atau elaun bersalin. Nasihatkan Sarah tentang kedudukannya dari segi perundangan.
- (c) Jika Sarah adalah seorang yang berumur 16 tahun terangkan dari segi perundangan sama ada Syarikat Salom boleh mengambilnya sebagai pekerja.

[25 markah]

7. Anda adalah seorang majikan di firma Print Enterprise. Khan adalah seorang pekerja firma anda yang sentiasa melaporkan diri lewat ke tempat kerja. Beberapa orang pelanggan juga telah membuat aduan bahawa Khan tidak memberikan mereka khidmat yang baik.

- (a) Pada pendapat anda apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Khan? Berikan alasan-alasan yang munasabah untuk tindakan anda.
- (b) Jelaskan dengan ringkas panduan-panduan yang harus diikuti apabila tindakan disiplin perlu diambil terhadap seseorang pekerja.

[25 markah]

---ooo000ooo---